



Hubungan antara Mualaf dengan Ibu Bapa Bukan Muslim

Islam mementingkan keharmonian hubungan keluarga termasuklah hubungan antara anak yang telah memeluk agama Islam (mualaf) dengan ibu bapa yang masih bukan Muslim. Keadaan ini semakin signifikan dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia yang memperlihatkan pertembungan budaya, agama dan kepercayaan menjadi realiti dalam kehidupan seharian.

Oleh itu, adakah apabila seseorang anak daripada keluarga bukan Islam memeluk Islam, maka hubungan keluarga sesama mereka terputus? Bagaimanakah pula hubungan keluarga antara si anak dengan ibu bapanya? Kefahaman bahawa pertukaran agama membawa kepada terputusnya hubungan keluarga mungkin timbul kerana kekeliruan atau kurang pendedahan yang mendalam tentang ajaran Islam. Oleh itu, penting untuk setiap individu mendapatkan maklumat yang tepat dan bersumberkan rujukan yang sahih agar tidak timbul salah faham yang boleh menjejaskan hubungan keluarga dan keharmonian masyarakat.

Konsep Ihsan Tanpa Membezakan Agama

Hubungan keluarga tidak terputus dengan berbezanya agama. Si anak yang menganut Islam masih mempunyai tanggungjawab untuk berbuat baik dan berlaku ihsan terhadap kedua-dua ibu bapanya. Allah SWT berfirman yang bermaksud, "... dan berbuat baiklah kepada kedua-dua ibu bapa" (*Surah al-Nisa'* 4:36). Perintah dalam

ayat ini bersifat umum tanpa membezakan status ibu bapa atau status agama ibu bapa. Oleh itu, si anak yang Muslim wajib berbuat baik kepada ibu bapa walaupun kedua-dua mereka bukan beragama Islam.

Dalam sebuah hadis daripada Asma' binti Abu Bakar r.a., beliau menyatakan bahawa ibunya tiba di Madinah dari Makkah, sedangkan ibunya belum beriman pada ketika itu. Ada pandangan yang menyatakan bahawa ibunya itu ialah ibu kandung dan ada pandangan yang menyatakan bahawa ibunya itu ialah ibu susuan. Namun begitu, pendapat yang sah ialah ibu kandung. Oleh itu, Asma' bertanyakan tentang masalah untuk menjalinkan hubungan baik dengan ibunya sama ada dibenarkan ataupun tidak? Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Ya, hubungkanlah silaturahmi dengan ibu kamu." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Penukaran Nama dan Nasab

Jika nama asal seseorang mualaf mempunyai makna yang baik, maka tiada kewajipan baginya untuk menukar nama tersebut. Namun begitu, jika namanya mempunyai makna yang tidak elok dan bertentangan dengan nilai Islam seperti nama dewa, nama Tuhan agama asalnya, atau nama yang mempunyai makna yang tidak sesuai, maka namanya perlu ditukar. Hal ini sesuai dengan tuntutan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Sesungguhnya kamu akan dipanggil pada hari kiamat kelak dengan nama kamu dan nama bapa kamu. Oleh itu, perelokkanlah nama kamu." (Hadis riwayat Ahmad).

Dalam konteks masyarakat di Malaysia, penukaran nama anak lelaki atau anak perempuan kepada "bin" atau "binti" tidaklah menjadi kewajipan yang perlu disegerakan kerana pada hakikatnya, istilah tersebut membawa maksud yang sama meskipun masyarakat Melayu – Islam sudah terbiasa dengan lafaz "bin" dan "binti" hasil daripada status Islam berdasarkan kad pengenalan.

Menurut keputusan Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2007, penamaan saudara baharu dikategorikan kepada dua, iaitu bumiputera (orang asli di Semenanjung Malaysia serta bumiputera Sabah dan Sarawak) dan bukan bumiputera (orang berketurunan India, Cina atau bangsa lain). Bagi penamaan saudara baharu bumiputera, setiap orang yang memeluk Islam hendaklah dibintikan atau dibintikan kepada Abdullah atau mana-mana nama al-Asmaul Husna berpangkalan nama Abdul yang sesuai atau yang biasa digunakan.

Bagi penamaan saudara baharu bukan bumiputera pula, seseorang saudara baharu boleh membuat pilihan sama ada ingin mengekalkan nama keluarga di samping

nama baharu ataupun dibintikan atau dibintikan kepada al-Asmaul Husna yang dipangkalkan nama Abdul.

Penyelarasan penamaan saudara baharu tersebut bukan sahaja menggambarkan tanda pengenalan yang mudah dan baik, malahan juga memudahkan urusan seperti mengenal pasti mayat, pengurusan jenazah dan pembahagian harta pusaka, serta menzahirkan identiti seseorang individu sebagai saudara Muslim yang baharu.

Tempat Tinggal yang Sama

Kewajipan berpindah atau kekal tinggal bersama-sama keluarga meskipun berlainan kepercayaan bergantung pada keadaan dan penerimaan masing-masing. Seseorang mualaf berhak membuat keputusan untuk berpindah demi mendapatkan persekitaran yang lebih baik dan memperluas pengetahuan tentang Islam. Namun begitu, tidak menjadi masalah sekiranya mualaf memilih untuk tinggal bersama-sama keluarganya yang bukan Islam dengan syarat mualaf tersebut mempunyai pemahaman yang jelas terhadap jalan keluar bagi permasalahan yang mungkin berlaku seperti pemeliharaan anjing, berkongsi penggunaan perkakas dapur, serta keberadaan patung sembah di rumah. Antara perkara yang jelas haram bagi Muslim termasuklah pengambilan makanan dan minuman yang tidak menepati hukum syarak seperti arak, khinzir dan daging yang tidak disembelih mengikut hukum syarak, manakala makanan selain yang disebutkan, halal dimakan sekalipun dimasak oleh keluarga bukan Islam.

Selain itu, lebih baik bagi seseorang mualaf menggunakan bekas atau perkakas dapur miliknya sendiri. Namun begitu, jika dia ketiadaan perkakas tersebut, maka diharuskan untuk menggunakan bekas atau peralatan dapur milik keluarga yang bukan Islam dengan syarat perkakas tersebut perlu dibasuh dan disucikan terlebih dahulu. Hal ini berdasarkan persoalan yang ditanyakan oleh Abu Tha'labah al-Khushyani r.a. kepada Rasulullah SAW, lalu Baginda bersabda yang bermaksud, "Adapun apa-apa yang kamu sebutkan daripada ahli kitab, maka jika kamu mendapati selainnya (bekas tersebut), maka janganlah kamu makan menggunakannya. Namun begitu, jika kamu tidak mendapati (selainnya), maka basuhlah dan makanlah menggunakannya." (Hadis riwayat al-Bukhari).

Wali Nikah bagi Wanita Mualaf

Sebagai Muslim, segala hukum yang terkait dengan dirinya tertakluk pada peraturan dalam Islam. Mengikut mazhab Syafii, antara syarat wali nikah termasuklah



Islam. Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Allah SWT tidak menjadikan bagi orang kafir atas orang Muslim akan sesuatu jalan.” (*Surah al-Nisa’ 4:141*).

Oleh itu, seseorang bapa yang belum memeluk Islam tidak boleh menjadi wali nikah bagi anak perempuannya yang Muslimah kerana berlainan agama. Walaupun begitu, penting untuk terus memupuk hubungan yang baik dan harmoni sesama ahli keluarga. Sewajarnya seseorang anak perempuan memaklumkan hasrat untuk berkahwin kepada keluarga dan meminta izin daripada bapa untuk mewakili peranannya kepada wali hakim bagi urusan melangsungkan pernikahan.

Pewarisan Harta Pusaka

Sistem harta pusaka dalam Islam tidak mengharuskan bukan Muslim mewarisi harta seorang Muslim. Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Usamah bin Zaid r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Muslim tidak mewarisi (harta) bukan Muslim dan bukan Muslim tidak mewarisi (harta) Muslim.” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Dalam pembahagian harta pusaka, seseorang Muslim terikat dengan kiraan yang telah ditetapkan berdasarkan al-Quran dan hadis. Oleh itu, muafak juga tidak terlepas daripada ketetapan tersebut. Seseorang muafak boleh mewariskan harta pusakanya kepada keluarga bukan Islam dengan cara membuat pemberian hibah semasa masih hidup atau wasiat selepas kematian pemilik harta dengan berpaksakan hukum faraid, iaitu pelaksanaannya dilakukan sebelum urusan pembahagian harta pusaka dan tidak melebihi satu pertiga daripada nilai harta.

Firman Allah SWT yang bermaksud, “Diwajibkan apabila seseorang daripada kamu kedatangan (tanda) maut, jika dia ada meninggalkan harta, (hendaklah dia) berwasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama); sebagai suatu kewajipan bagi orang yang bertakwa.” (*Surah al-Baqarah 2:180*).

Pada mulanya, firman Allah SWT tersebut menekankan kepentingan wasiat kepada kaum keluarga. Namun begitu, selepas turunnya perintah Allah SWT tentang hukum faraid dalam *Surah al-Nisa’* ayat 11 dan ayat 12, dapat difahami bahawa ayat tersebut menjelaskan wasiat hanya boleh diberikan kepada bukan ahli waris yang menerima faraid. Oleh itu, bagi muafak yang ingin memberikan harta kepada keluarganya yang bukan Muslim, terdapat penyelesaian yang dibenarkan, iaitu sama ada dilakukan melalui kaedah hibah ataupun wasiat.

Pemberian harta melalui wasiat ataupun hibah kepada ahli keluarga yang bukan Muslim bukanlah bertujuan untuk menyokong atau reda dengan kekufurannya, tetapi atas dasar silaturahmi. Firman Allah SWT yang bermaksud, “Allah SWT tidak menegah kamu daripada berbuat baik dan berbuat adil terhadap golongan yang tidak memerangi kamu dalam agama dan tidak mengeluarkan kamu dari tempat kediaman kamu. Sesungguhnya Allah SWT kasih kepada orang yang berlaku adil.” (*Surah al-Mumtahanah 60:8*).

Cara Bermuamalah dan Hukum Bersalaman

Bersalaman dengan ibu bapa yang bukan Islam dibenarkan dan status ibu bapa tersebut tidak dikira ajnabi disebabkan si anak telah memeluk agama Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana hubungan antara ibu bapa dengan anak tetap wujud, malah tidak terputus walaupun berlainan agama.

Oleh itu, pergaulan antara si anak dengan ibu bapa yang bukan Islam adalah sebagaimana pergaulan si anak dengan mahramnya yang lain. Bersalaman dan pergaulan yang baik atau yang seumpama dengannya termasuk dalam adab dan penghormatan terhadap ibu bapa selagi tidak melibatkan unsur haram seperti niat yang tidak baik atau perbuatan yang bertentangan dengan syarak.

Ketaatan kepada Ibu Bapa yang Bukan Muslim

Islam menggariskan ketaatan kepada kedua-dua ibu bapa sebagai satu daripada kewajipan kerana pengorbanan ibu bapa amatlah besar. Firman Allah SWT yang bermaksud, “Ibunya mengandungkannya dalam keadaan yang sangat lemah dan tempoh menceraikan susunya ialah dua tahun ...” (*Surah Luqman 31:14*).

Walaupun wujud perbezaan agama, iaitu anak ialah Muslim dan ibu bapa pula bukan Muslim, namun hal tersebut bukanlah alasan untuk tidak berlaku taat. Satu-satunya perkara yang tidak wajib ditaati oleh anak terhadap ibu bapa adalah apabila melibatkan hal yang berkaitan dengan akidah. Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Jika ibu bapa memaksa kamu agar engkau mempersekutukan Aku dengan sesuatu yang engkau tidak memiliki pengetahuan tentangnya, maka janganlah engkau mentaati mereka (ibu bapa).” (*Surah al-Ankabut 29:8*).

Perkara yang melanggar hukum syarak tidak harus dan tidak wajib untuk ditaati. Akan tetapi, ketaatan dalam perkara yang lain termasuklah dalam konsep berbuat ihsan kepada ibu bapa bukan Muslim. Sebagai contoh, memberikan bantuan apabila diperlukan,



menzahirkan rasa hormat, ziarah-menziarahi, serta bertanggungjawab menjaga dan mengurus ibu bapa bukan Muslim yang sakit dan uzur. Perbuatan sedemikian termasuk dalam kerangka berbuat ihsan terhadap ibu bapa.

Pengurusan Jenazah Ibu Bapa Bukan Muslim

Islam meletakkan hubungan silaturahim sebagai asas yang perlu dijaga. Namun begitu, apabila ibu bapa bukan Muslim meninggal dunia, sudah tentu kaum keluarga bukan Islam yang lain akan menyelesaikan urusan jenazah tersebut. Oleh itu, pengurusan jenazah bukan Muslim dilaksanakan berdasarkan agamanya.

Dalam keadaan tersebut, tidak wajar bagi seseorang Muslim untuk terlibat secara langsung dalam pengurusan jenazah bukan Muslim. Namun begitu, menjadi keharusan untuk seseorang hadir dalam upacara tersebut dengan niat untuk menziarahi jenazah, berkongsi kesedihan dengan kaum keluarga yang lain, menghubungkan silaturahim, dan memberikan bantuan yang wajar agar pengurusan jenazah berjalan dengan lancar.

Abdul Rahman bin Abu Laila r.a. telah meriwayatkan, "Ketika Sahl bin Hunaif r.a. dan Qais bin Sa'd r.a. duduk di Qadisiyyah (sebuah tempat yang terletak di Iraq), sekujur jenazah melintasi mereka. Mereka pun

bangun, lalu dikatakan kepada mereka: 'Sesungguhnya jenazah itu daripada penduduk bumi ini (iaitu dalam kalangan ahli zimmah).' Oleh itu, mereka berdua berkata: 'Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW pernah melintasi sekujur jenazah, lalu Baginda bangun.' Dikatakan kepada Baginda: 'Itu jenazah seorang Yahudi.' Oleh itu, Baginda bersabda: 'Bukankah dia juga manusia (pernah bernyawa)?'" (Hadis riwayat al-Bukhari).

Berdasarkan hadis tersebut, Imam Ibn Hajar al-Asqalani menyatakan bahawa tidak ada perbezaan dalam urusan menziarahi jenazah atau kematian sama ada si mati tersebut dalam kalangan Muslim ataupun tidak. Hal ini dikatakan demikian kerana menziarahi jenazah atau kematian memberikan rasa insaf, bahkan perkara mengurus kematian bukanlah suatu hal yang remeh.

Selain itu, amalan menziarahi jenazah dan kubur bukan Muslim hendaklah dilakukan bertujuan untuk mengingatkan diri kepada kematian, dan bukan dilakukan untuk mendoakan keampunan buat mereka. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Tidaklah layak bagi nabi dan orang yang beriman memohon ampun untuk orang musyrik meskipun mereka itu kaum kerabatnya setelah jelas bagi mereka bahawa orang musyrik itu ialah penghuni neraka." (Surah al-Tawbah 9:113).

Islam menyuruh penganutnya termasuklah muallaf untuk saling bergaul dengan cara yang baik serta mendoakan kedua-dua ibu bapa yang belum memeluk Islam agar mendapat taufik dan hidayah daripada Allah SWT. Tindakan meninggalkan atau mengabaikan ibu bapa yang bukan Muslim tanpa alasan yang munasabah merupakan perbuatan yang salah. Sesetengah ibu bapa tidak bersetuju dengan keputusan anak mereka untuk memeluk Islam. Mereka mungkin bimbang akan kehilangan anak, atau menyimpan perasaan negatif terhadap Islam akibat daripada kejahilan ataupun pengalaman pahit bersama-sama masyarakat Islam.

Hubungan antara Muslim dengan ibu bapa bukan Muslim hendaklah dilaksanakan dengan penuh hikmah, selari dengan prinsip yang telah ditetapkan oleh syarak. Biar apa-apa pun alasannya, kewajipan si anak untuk berbuat ihsan terhadap ibu bapa tetap tidak berubah. Betapa indah agama Islam kerana mengatur segala aspek kehidupan manusia termasuklah hubungan dengan ahli keluarga yang belum menganut agama Islam dan jalan untuk mencapai kebahagiaan hidup bukan sahaja di dunia malahan juga di akhirat kelak. 🌟